



31 OCT, 2025

Uji kekuatan fizikal, kebijaksanaan

Harian Metro, Malaysia



SIMULASI ANCAMAN PENGGANAS

Uji kekuatan fizikal, kebijaksanaan

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Polis Kelantan buat julung kalinya mengadakan satu latihan amal simulasi ancaman pengganas bagi menguji tahap kesiapsiagaan pasukan keselamatan dan agensi berkaitan dalam menghadapi sebarang ancaman pengganas atau jenayah besar-besaran yang diadakan di Stesen Jana Kuasa Sultan Ismail Petra, Pergau, di sini, semalam.

Simulasi berkenaan diadakan selama tiga hari bermula Selasa lalu membabitkan lebih 200 pegawai dan anggota daripada pelbagai agensi membabitkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) termasuk Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Senario simulasi yang diadakan hari terakhir semalam menampilkan ancaman bersenjata, insiden tebusan, letupan IED dan operasi rundungan berprofil tinggi.

Setiap elemen dirancang meniru situasi dunia sebenar bagi menguji bukan sahaja kekuatan fizikal, tetapi juga kebijaksanaan taktikal, kestabilan emosi dan ketepatan membuat keputusan di bawah tekanan masa.

Ketua Polis Kelantan, Da-



SEBAHAGIAN aksi simulasi antara pengganas dan tebusan ketika Latihan Amal Simulasi Ancaman Pengganas Ke Atas Sasaran Penting di Stesen Jana Kuasa Sultan Ismail Petra, Pergau, semalam. - Gambar NSTP/ HAZIRA AHMAD ZAIDI

tuk Mohd Yusoff Mamat berkata, sebarang ancaman atau sabotaj terhadap infrastruktur ini boleh memberi kesan domino yang menggugat ekonomi, kestabilan dan keselamatan rakyat.

"Oleh itu, kesiapsiagaan bukan lagi pilihan tetapi kewajiban dan latihan seperti ini bukan sekadar uji-taktikal, tetapi manifestasi kesungguhan pasukan keselamatan dalam mem-

pertahankan aset strategik negara.

"Kita kini berhadapan dunia tanpa sempadan, di mana ancaman boleh muncul dari luar mahupun dalam. Musuh mungkin tidak berwajah, tetapi niat mereka jelas menggugat kestabilan tanah air.

"Justeru, setiap anggota keselamatan mesti bersedia sebelum diuji, bertindak sebelum diarahkan, dan berani sebelum digen-

tar," katanya selepas menyempurnakan Majlis Penutupan Latihan Amal Simulasi Ancaman Pengganas Ke Atas Sasaran Penting di Stesen Jana Kuasa Sultan Ismail Petra, Pergau.

Beliau berkata, Stesen Jana Kuasa Sultan Ismail Petra, Pergau bukan sekadar sebuah fasiliti tenaga tetapi nadi utama penjaan elektrik negara yang menjana hampir 600 me-

gawatt (MW) tenaga bagi menjamin kestabilan bekalan di seluruh Semenanjung Malaysia.

"Dengan kejuruteraan yang kompleks dan tekanan air mencecah 600 meter, empangan ini menjadi antara stesen hidroelektrik paling efisien dan strategik di Malaysia.

"Tidak hairanlah ia diiktiraf sebagai Aset Strategik dan Sasaran Penting Negara (SPN) di bawah

kawal selia Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai simbol ketahanan ekonomi, kestabilan sosial dan kedaulatan negara.

Justeru, Pasukan Tindak Balas Krisis atau Crisis Response Team (CRT) diaktifkan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jeli bagi menangani sebarang ancaman atau kejadian jenayah yang berlaku di kawasan Pergau," katanya